PP

lwn.

B KANNAN PK BALAKARESHNA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
NIK HASHIM H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-37-98]
11 JANUARI 2000

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Memiliki dadah berbahaya - Memiliki 23.45 gram campuran heroin dan monoacetylmorphines - Samada keseriusan kesalahan dipertimbangkan - Samada hukuman penjara selama 11 tahun dan 10 sebatan rotan setimpal dengan kesalahan - Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 12(2), s. 39A(2)*

Tertuduh, seorang bekas penagih dadah, telah mengaku salah atas pertuduhan memiliki 23.45 gram campuran dadah berbahaya heroin dan monoacetylmorphines di bawah s. 12(2) dan dihukum di bawah s. 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952. Dalam rayuan untuk meringankan hukuman, selain daripada memberikan alasan yang ia mempunyai keluarga dan ibubapa yang tua, tertuduh memohon mahkamah mempertimbangkan pengakuan salahnya keatas pertuduhan tersebut.

Diputuskan:

[1] Penyalahgunaan dadah berbahaya merupakan suatu gejala dan ancaman yang sangat merbahaya yang membawa kepada kemusnahan masyarakat. Mahkamah tidak akan dianggap menjalankan tugasnya dengan jujur sekiranya keseriusan kesalahan ini tidak ditunjukkan melalui hukuman yang dijatuhkan.

[2] Namun demikian, setiap kes hendaklah dihakimi menurut meritnya. Dalam kes ini, tertuduh ialah bekas penagih dadah. Dia tidak serik dan tidak mengambil iktibar daripada kesalahan lampau. Seandainya tertuduh tidak mengaku salah terhadap kesalahan, mahkamah tidak teragak-agak mengenakan hukuman penjara selama 16 tahun dan sebatan rotan 10 kali keatas tertuduh.

[2a] Oleh kerana tertuduh telah mengaku salah dan melihat kepada keseluruhan fakta kes ini, mahkamah memberikan diskaun ¼ daripada 16 tahun penjara dan potongan satu tahun lagi atas dasar tertuduh telah

menyesal dan mempunyai keluarga. Dengan itu, hukuman penjara selama 11 tahun dan 10 kali sebatan rotan yang dijatuhkan adalah setimpal dengan kesalahan tertuduh.

[Tertuduh disabitkan dan diberikan hukuman sekadarnya.]

Kes-Kes yang dirujuk:
PP v. Darmalingam R Kandiah [1988] 1 CLJ 840 ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Mansoor K Mohd Mydin (Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Perbicaraan Jenayah No. 45-11-99) ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 12(2), 39A(2), B
Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983, s. 6(1)(b)

Sumber lain yang dirujuk:
Joint War, Star, 12 Julai 1999

Bagi pihak pendakwa raya - Rohaya Halil, Penolong Pendakwa Raya
Bagi pihak tertuduh - Gurmit Singh Hullon; T/n Hullon & Co

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

PENGHAKIMAN

Nik Hashim H:

Tertuduh, 26 tahun, bekas penagih dadah, beristeri dan mempunyai dua orang anak, pada mulanya telah menghadapi pertuduhan mengedar dadah berbahaya jenis heroin (3.48 gram) dan monoacetylmorphines (19.97 gram) yang jumlah berat semuanya ialah 23.45 gram di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta). Ekoran representasi tertuduh, pihak pendakwa telah bersetuju menurunkan pertuduhan kepada kesalahan memiliki dadah sedemikian (P3) di bawah s. 12(2) dan dihukum di bawah s. 39A(2) Akta pada hari perbicaraan.

Setelah pertuduhan pindaan (P3) dibaca dan diterangkan, tertuduh dengan rela hati telah mengaku salah dan memahami sifat dan akibat pengakuan salahnya. Jenis hukuman di bawah s. 39A(2) Akta juga telah diterangkan kepada tertuduh dan beliau faham dan masih berpegang kepada pengakuan salahnya. Seterusnya, pihak pendakwa membaca fakta kes (P4) yang berbunyi seperti berikut:

1. Pada 31.7.1997 jam lebih kurang 5.45 p.m., pengadu iaitu ASP Giam Kar Hoon bersama beberapa anggota polis daripada Jabatan Narkotik, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor telah buat satu serang hendap di kawasan Tol Jalan Kuching.

2. Pada jam lebih kurang 7.45 p.m. sebuah kereta jenis Datsun Sunny nombor pendaftaran WCN 8489 warna biru gelap telah bergerak melepasi Tol dan berhenti di tepi jalan kurang 200 meter daripada kawasan Tol.

3. Setelah terima isyarat daripada D/KpI. 93257, pengadu dan pasukannya telah serbu kereta tersebut.

4. Saspek telah ditangkap di luar kereta tersebut. Amaran seperti diperuntukkan di bawah seksyen 37A Akta Dadah Berbahaya 1952 telah dibaca kepada saspek dan diterjemahkan kepada bahasa Tamil oleh Insp. Ananthkumar.

5. Daripada soal siasat yang dijalankan saspek telah beritahu bahawa terdapat 1 pound dadah heroin di dalam kereta tersebut iaitu di bawah tempat duduk pemandunya. Saspek kemudiannya dikenali sebagai B. Kannan a/l P.K. Balakareshna iaitu tertuduh dalam kes ini.

6. Kemudian pengadu telah buka kereta dan dapati di bawah tempat duduk pemandu kereta tersebut, terdapat satu bungkusan kertas akhbar berbahasa Cina di mana di dalamnya mengandungi satu bungkusan lutsinar bahan kemerahan disyaki dadah heroin.

7. Pengadu kemudian telah rampas barang kes dan bawa tertuduh ke balai polis untuk tindakan seterusnya. Pemeriksaan lanjut ke atas kereta tersebut tidak ada dijumpai apa-apa barang salah.

8. Pengadu telah menyerahkan tangkapan dan barang kes kepada Pegawai Penyiasat bertugas Insp. Tansly Mering dan Jabatan Narkotik Daerah Sentul, Kuala Lumpur pada 1.8.97 jam lebih kurang 2.00 petang.

9. Barang kes telah dihantar ke Jabatan Kimia, Petaling Jaya, dan telah disahkan oleh Ahli Kimia, Encik Cheong Meow Kioon sebagai campuran heroin dan monoacetylmorphines dengan berat bersih 23.45 gram (3.48 gram heroin dan 19.97 gram monoacetylmorphines).

10. Hasil siasatan menunjukkan bahawa dadah yang dijumpai di dalam kereta tersebut adalah milik tertuduh dan tertuduh tiada kuasa di sisi undang-undang untuk memiliki dadah tersebut.

11. Oleh itu tertuduh telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39A(2) Akta yang sama.

Setelah berpuashati bahawa tertuduh telah faham dan akui benar fakta dan eksibit-eksibit yang dikemukakan, mahkamah telah menerima pengakuan salahnya dan seterusnya mensabitkan tertuduh atas kesalahan di atas.

Satu laporan ahli kimia (P9) yang mengesahkan jenis dadah serta beratnya telah dikemukakan. Menurut gambar (P11A – C), kereta yang digunakan semasa dadah dijumpai di bawah tempat duduk pemandunya, ialah jenis Datsun Sunny warna biru gelap No. WCN 8489.

Dalam rayuan untuk meringankan hukuman, pihak peguambela bagi pihak

tertuduh selain menyebut bahawa tertuduh mempunyai keluarga dan ibubapa yang tua, menyatakan tertuduh telah dengan rela hati mengaku salah dan telah insaf dengan kesalahan akibat bercampur gaul dengan golongan yang kotor. Tertuduh berjanji tidak akan lagi melibatkan diri dengan dadah. Oleh kerana tertuduh telah mengaku salah, maka peguambela telah memohon supaya mahkamah memberi peluang kepada tertuduh agar dia dapat menjaga ibubapanya.

Manakala Penolong Pendakwa Raya, dalam permohonannya bagi suatu hukuman yang setimpal dengan kesalahan, telah mengemukakan rekod kesalahan lampau tertuduh yang mana dia akui, iaitu dalam tahun 1993, tertuduh seorang penagih dadah, telah dikenakan ikat jamin sebanyak RM2,000 dengan seorang penjamin dan dua tahun pengawasan pegawai pemulihan dadah di bawah s. 6(1)(b) Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 *vide* kes Petaling Jaya Rpt. 6919/93.

Selepas menimbang latar belakang tertuduh dan mitigasi yang dikemukakan serta mengambilkira kepentingan awam, jenis dan berat dadah dan juga fakta bahawa tertuduh telah mengaku salah, saya telah menjatuhkan hukuman penjara selama 11 tahun mulai tarikh tangkap 31 Julai 1997 dan sebatan rotan 10 kali. Alasan-alasan bagi hukuman tersebut adalah seperti berikut.

Kesalahan penyalahgunaan dadah berbahaya adalah amat berat di negara kita. Ia merupakan suatu gejala dan ancaman yang sangat merbahaya yang membawa kepada kemusnahan masyarakat. Jadi, ia tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak jika tidak mahu melihat negara kita ini hancur. Mahkamah tidak berkecuali daripada memain peranannya. Mahkamah tidak akan diangap menjalankan tugasnya dengan jujur sekiranya keseriusan kesalahan ini tidak ditunjukkan melalui hukuman yang dijatuhkan. Sehingga kini, mahkamah telah memain peranannya. Sebagai contoh, dalam kes *PP v. Darmalingam R. Kandiah* [1988] 1 CLJ 840, pesalah telah dituduh memiliki heroin seberat 9.39 gram di bawah s. 12(2) dan dihukum di bawah s. 39A. Presiden Mahkamah Sesyen telah menjatuhkan hukuman penjara minimum lima tahun dan enam kali sebatan. Atas rayuan, YA Dr. Zakaria Yatim, H (beliau ketika itu) telah menambah hukuman itu kepada penjara selama 10 tahun dan sebatan rotan 12 kali. Kesalahan itu berlaku dalam tahun 1987.

Dalam kes *PP v. Mohd Mansoor K. Mohd Mydin* (Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Perbicaraan Jenayah No. 45-11-99) (Tidak dilaporkan), mahkamah ini telah menjatuhkan hukuman penjara selama 15 tahun dan 10 kali sebatan rotan ke atas tertuduh berumur 37 tahun, beristeri dan mempunyai dua orang anak selepas dia mengaku salah atas kesalahan memiliki dadah berbahaya campuran heroin dan monoacetylmorphines seberat 33.2 gram di bawah seksyen yang sama dengan kes sekarang. Tertuduh telah merayu. Mahkamah Rayuan (Rayuan

Jenayah No. W-05-44-99) pada 1 November 1999 telah menolak rayuannya dan mengekalkan hukuman tersebut.

Dalam kes itu, saya telah memetik kata-kata Timbalan Perdana Menteri, yang juga Menteri Dalam Negeri semasa beliau merasmikan Mesyuarat Pemadam yang ke-24 yang telah disiarkan dalam akhbar Star bertarikh 12 Julai 1999 di bawah tajuk "*Joint War* – Pak Lah calls for all-party offensive against drug menace" dan beliau berkata:

> ... The drug problem did not distinguish between political ideology, race or religion or between rich and poor. Describing the drug menace as the biggest threat to the country, he said, it was vital for all parties to joint hands and minds to fight it effectively for the good of society ... .
>
> We have been waging war against drugs for such a long time and we are still at it. We managed to overcome even the communist insurgency problem within a shorted period of time ...
>
> The drug problem is a danger facing us all ...
>
> He pointed out if the drug problem was treated lightly, it could spread and escalate to 'emergency levels' ...

dan seterusnya saya mengulas:

> Petikan di atas diambil semata-mata untuk menunjukkan betapa seriusnya masalah dadah yang dihadapi oleh negara masa kini. Justeru itu, seharusnyalah semua pihak termasuk Mahkamah, memainkan peranan masing-masing bagi membasmi musuh negara itu. Ancaman dadah yang terbesar itu tidak boleh diambil ringan. Bagi Mahkamah, peranannya boleh ditunjukkan melalui hukuman yang dikenakan ke atas pesalah.

Walau apapun, setiap kes hendaklah dihakimi menurut meritnya. Dalam kes ini, mahkamah dapati tertuduh bukan merupakan seorang pesalah yang 'baru'. Beliau ialah bekas penagih dadah. Dalam tahun 1993 lagi, dia telah pun melibatkan dirinya dengan dadah. Nampaknya dia tidak serik dan tidak mengambil ikhtibar daripada kesalahan lampau. Jadi, seandainya tertuduh tidak mengaku salah terhadap kesalahan dan didapati bersalah selepas perbicaraan dan memandangkan kepada fakta kes, berat dadah sebanyak 23.45 gram yang merupakan suatu jumlah empat kali ganda lebih berat daripada berat minimum iaitu lima gram ditetapkan di bawah s. 39A(2), serta mengambilkira kepentingan awam dan mitigasi tertuduh, saya tidak teragak-agak mengadakan hukuman penjara selama 16 tahun dan sebatan rotan 10 kali keatas tertuduh.

Oleh kerana tertuduh telah mengaku salah dan melihat kepada keseluruhan

fakta kes ini, maka saya telah memberi diskaun ¼ daripada 16 tahun penjara dan memberi potongan satu tahun lagi atas dasar tertuduh telah menyesal dan mempunyai keluarga. Justeru, saya telah menjatuhkan hukuman penjara selama 11 tahun mulai tarikh tangkap 31 Julai 1997 dan 10 kali sebatan mandatori dengan penuh harapan agar tertuduh akan menjadi betul-betul insaf atas tindakan bodohnya dan mengharapkan hukuman ini menjadi deteren kepada orang ramai. Pada hemat saya, hukuman tersebut adalah setimpal dengan kesalahan.